



### **BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN (BTAR)**

Biasiswa berprestij dan eksklusif ini ditawarkan kepada pelajar cemerlang dan berbakat kepimpinan yang tinggi. Ianya memberikan sokongan kewangan kepada bakal graduan yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPTA maupun IPTS dalam negara. Penerima biasiswa ini digelar **Tunku Scholars**.

#### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

##### **(a) Syarat Asas**

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Umur tidak melebihi 25 tahun pada tarikh tutup permohonan.

##### **(b) Syarat Kelayakan Akademi dan Ko-kurikulum**

- i. Pelajar lepasan STPM / Asasi / Matrikulasi / Diploma\* yang mencapai PNGK 3.50 dan ke atas .
- ii. Permohonan juga dibuka kepada bakal graduan yang sedang dalam pengajian sepenuh masa Ijazah Sarjana Muda di IPT tempatan yang (jika) berjaya mencapai minimum PNGK 3.50 dan tahun pengajiannya masih berbaki sekurang-kurangnya 2 tahun pengajian.
- iii. Kepujian tinggi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM.
- iv. Memiliki ciri-ciri kepimpinan yang terserlah dan penyertaan yang aktif dalam aktiviti ko-kurikulum, terutamanya di peringkat luar sekolah atau universiti.

\*\* Pemberian BTAR tertakluk kepada pemohon diterima masuk ke IPT tempatan dalam negara.

##### **(c) Syarat Tambahan**

Pemohon yang disenarai pendek akan dikehendaki mengikuti program Pemerhatian Ciri Kepimpinan dan hadir pada sesi Temuduga Pemilihan yang diaturkan oleh pihak YTAR.

#### **KADAR BIASISWA**

Kadar biasiswa adalah mengikut kadar yang berkuat kuasa semasa.

#### **PERMOHONAN**

Klik [\*\*DI SINI\*\*](#) untuk memuat turun Borang Permohonan Biasiswa Tunku Abdul Rahman.

Tarikh permohonan dibuka : **1 Mac 2015**

Tarikh permohonan ditutup : **15 April 2015**

Hanya pemohon yang telah mengikuti Program Pemerhatian Ciri Kepimpinan sahaja akan dipanggil untuk temuduga pemilihan. Pemohon yang gagal adalah mereka yang tidak dihubungi selepas 3 bulan daripada tarikh tutup permohonan.

([\*\*Download borang versi PDF\*\*](#))